

30 OCT 2003

Kakitangan-Terima Kasih

10,000 SERTAI MAJLIS UCAP TERIMA KASIH KEPADA DR MAHATHIR

MELAKA, 30 Okt (Bernama) -- Seramai 10,000 orang kakitangan kerajaan negeri dan persekutuan di Melaka menyertai majlis ucapan terima kasih dan mengingati jasa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serentak, di sini hari ini.

Majlis yang diadakan di jabatan masing-masing, termasuk 3,000 kakitangan yang berhimpun di Auditorium Seri Negeri, turut disertai Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Ahmad Rusli Joharie dan pegawai kanan kerajaan negeri.

Di peringkat jabatan, majlis khas itu diketuai ketua jabatan masing-masing serta Exco kerajaan negeri yang berkaitan, sebagai satu cara menghargai jasa Dr Mahathir sejak menjadi Perdana Menteri pada tahun 1981.

Dr Mahathir yang menjadi Perdana Menteri keempat, akan bersara esok dan digantikan oleh timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Majlis itu dimulakan dengan bacaan doa dan diikuti deklamasi sajak nukilan Dr Mahathir sendiri iaitu "Atas Runtuhan Kota Melaka Kita Dirikan Putrajaya".

Ia disusuli dengan ucapan Ahmad Rusli yang antara lain menyebut jasa Dr Mahathir dalam membantu membangun, memperbaiki dan meningkatkan lagi sektor perkhidmatan awam di negara ini.

Mohd Ali pula berkata sepanjang 22 tahun Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri, beliau telah banyak berjasa kepada negara termasuk membantu membangunkan Melaka sehingga menjadikan ia antara negeri yang membangun di Malaysia.

"Kalau dulu kita (Melaka) dikenali sebagai negeri "lengang", dengan bantuan Dr Mahathir dan kerajaan persekutuan, negeri ini sudah banyak berubah sama ada dari segi ekonomi, sosial dan pembangunan negeri," katanya.

Selepas ucapan itu, mereka menyanyikan lagu "Pahlawanku" yang ditujukan khas kepada Dr Mahathir sebagai seorang negarawan ulung.

-- BERNAMA

SBS LAT